



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 18

RABU 2 MEI, 1984.

رابو 1 شعبان 1404

PERCUMA

— DUTA BESAR FILIPINA SEMBAHKAN SURAT TAULIAH LANTIKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam pada petang hari Selasa lalu telah berkenan menerima Surat Tauliah Perlantikan Bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak (Ambassador Extraordinary and Plenipotentiary) Filipina ke negara ini, Tuan Yang Terutama Awang Benjamin Domingo dalam satu istiadat yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Selepas menyembahkan Surat Tauliah Perlantikan, Tuan Yang Terutama kemu-

diannya mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Terdahulu dari itu, bertempat di perkarangan Istana, Tuan Yang Terutama telah menerima tabik hormat dari anggota Batalion Pertama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di bawah perintah 2nd Leftenan Mohd Rizal Fauzan bin Mohd Bahrin dan diserikan juga dengan permainan pancaragam Pasukan Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di bawah pimpinan Kapten Manaf bin Haji Khamis.

Sebelum memegang jawatan yang baru ini, Tuan Yang Terutama adalah Pengarah Agung Institut Perkhidmatan Luar dan pernah bertugas sebagai Konsul Agung Filipina ke San Francisco, Bonn dan Honolulu.

GAMBAR kanan: Tuan Yang Terutama Duta Besar Filipina, Awang Benjamin Domingo mengadap ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam setelah Tuan Yang Terutama itu menyembahkan Surat Tauliah Perlantikannya.



MENLU OMAN MENGADAP KEBAWAH D.Y.M.M.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Menteri Negara bagi Hal-Ehwal Luar Oman, Yousuf bin Alawi bin Abdullah di Istana Nurul Iman petang semalam.

Tuan Yang Terutama tiba pada hari Isnin lalu untuk lawatan muhibah selama dua hari. Ketibaan Tuan Yang Terutama yang disertai oleh empat orang pegawai lainnya dialu-alukan oleh D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Di sebelah paginya, Tuan Yang Terutama dan rombongan telah mengadap Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Malam semalam, Tuan Yang Terutama Menteri Negara bagi Hal-Ehwal Luar

Lihat muka 20



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dengan diiringi oleh Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri, Datin Hajjah Zahrah binte Haji Idris ketika menyaksikan pameran kegiatan Pandu Puteri, setelah majlis pelancaran tersebut. Turut juga berangkat menyaksikan pameran itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Ruhaizah.

Kaum wanita diseru aktif dalam pembangunan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha menyeru kaum wanita di negara ini supaya mengambil bahagian yang aktif dalam pembangunan dan kemajuan negara melalui badan-badan kebajikan seperti pergerakan pandu puteri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri bertitah demikian sejour sebelum merasmikan Majlis Pelancaran Kempen Pengambilan Ahli-ahli Baru dan Penubuhan Kompeni Baru Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam yang diadakan pada hari Ahad lepas di Dewan Pusat Belia di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga menegaskan bahawa kegiatan atau aktiviti pergerakan Pandu Puteri itu ada kaitannya dengan pembentukan akhlak dan peribadi yang berdisiplin dan pembawaan yang sempurna.

"Oleh kerana negara kita Brunei Darussalam masih memerlukan lebih banyak lagi kaum wanita supaya mengambil bahagian yang aktif dalam pembangunan

serta kemajuan, maka Beta berpendapat adalah wajar bukan saja pada mereka yang masih berada di bangku sekolah malahan juga kepada kaum wanita amnya supaya tampil ke hadapan untuk sama menghulurkan jasa bakti dan tenaga serta kerjasama kepada gerakan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam dengan cara memasuki persatuan ini," titah Baginda.

Untuk itu Baginda berharap kepada ibu bapa supaya tidak akan ragu-ragu mendorong anak-anak mereka memasuki Persatuan Pandu Puteri.

Sejour selepas itu Baginda dipersembahkan sejangkak bunga bagi menjunjung kasih di atas keberangkatan Baginda bercemar Duli ke majlis tersebut.

Baginda juga berkenan menerima ikrar Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam yang dilafaskan oleh lebih 500 orang Pandu Puteri dan Brownies yang diketuai oleh Dk Halimah bte Pg. Haji Damit.

Terdahulu sebelum itu sembah alu-aluan telah disampaikan oleh Pesuruh-

jaya Pandu Puteri, Datin Hajjah Zahrah bte Haji Idris.

Kemudian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan jempunan-jemputan khas dijunjung berangkat menyaksikan pameran Pandu Puteri dan Brownies. Di samping itu majlis juga diserikan dengan beberapa persembahan nyanyian dan tarian oleh Pandu Puteri dan Brownies.

Turut berangkat ke majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna selaku Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Ruhaizah.

MANISNYA IMAN

"HAI orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu bersama orang-orang yang benar." Makna ayat 119 Surah Al-Bara'ah.



2 MEI, 1984

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

SEMANGAT BERUGAMA DI PERINGKAT JABATAN KERAJAAN:

Pengaruhnya yang kita harapkan

ADALAH suatu yang menggembirakan manakala Jabatan-jabatan Kerajaan telah melibatkan diri dengan aktif dalam menyalurkan semangat beragama yang ada pada masa ini boleh dikatakan menyeluruh di kalangan rakyat terbanyak.

Tidak syak lagi pegawai dan kakitangan Jabatan-jabatan Kerajaan, seperti juga rakyat terbanyak negara ini sedang bergerak dan terus maju ke arah penghayatan Islam yang menjadi Ujama Rasmi Negara. Kegiatan-kegiatan sosial di peringkat jabatan yang dianjurkan dari semasa ke semasa adalah sehubungan dengan usaha menghayati Islam sebagai cara hidup. Kita sudah mendapati adanya semacam fenomena yang menyeluruh bahawa kegiatan-kegiatan di peringkat jabatan kerajaan telah kuat dipengaruhi oleh kesedaran serta pegangan beragama. Dan ini sangatlah tepat dengan kedudukan jabatan-jabatan itu selaku jentera dan organisasi pentadbiran Kerajaan kita iaitu Kerajaan yang mempunyai komitmen untuk mengketarakan syiar ugama Islam.

Apakah yang dapat kita jangka dari pada penghayatan Islam sehingga di peringkat Jabatan-jabatan Kerajaan? Kita dengan tegas akan menjawab bahawa penghayatan ugama secara yang tepat menurut saluran-salurnya yang sihat pasti akan memberi erti kepada corak negara kita Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja. Coraknya yang sedemikian itu tidaklah cuma menjadi sebut-sebutan sebab rakyat terbanyak negara ini dan juga pemimpin-pemimpinnya sedia mempunyai komitmen keagamaan.

Kepentingan mengketarakan corak Negara Melayu Islam Beraja itu bukanlah dengan

dorongan semangat patriotik yang berlandaskan nasionalisme yang sempit. Pemimpin-pemimpin kita dipercayai menginsafi bahawa sesebuah negara tidak dapat dibangun serta ditegakkan dengan semata-mata nafsu fanatik kebangsaan. Lebih-lebih lagi bagi kita di Brunei yang turun-temurun telah mempunyai pegangan beragama yang mana pegangan keagamaan itu menjadikan kita berhasil mengatasi pengaruh fahaman kebangsaan yang sempit yang boleh mempersulitkan perhubungan yang sepatutnya harmoni di antara berbagai-bagai puak keturunan di negara ini. Buktinya ialah pemerintahan Sultan-Sultan negara ini yang berbangsa Melayu Islam, yang berpegang kuat kepada ajaran-ajaran Allah telah berjaya memberi perlindungan kepada semua rakyat dan penduduk sehingga datuk-nenek kita hinggalah kepada kita yang akan datang, hidup dengan aman, harmoni dengan sama-sama mempunyai kedudukan yang sewajarnya. Maka dari segi inilah kita yakin bahawa corak Negara Melayu Islam Beraja yang telah dimaktubkan ke dalam Pemasyhuran Kemerdekaan adalah satu-satunya corak yang tepat bagi menamakan negara kita ini.

Penghayatan Islam yang sudah meluas sehingga di Jabatan-jabatan Kerajaan itu adalah besar pengaruhnya ke atas corak negara ini. Kepentingan penghayatan itu untuk jangka masa yang panjang ialah sumbangannya

terhadap keselamatan serta keutuhan negara. Menerusinya kita akan sentiasa berikhtiar dengan jujur dan sungguh-sungguh sambil bertawakal kepada Allah subhanahu Wata'ala untuk mengekalkan negara dalam keamanannya di tengah-tengah dunia yang bergolak.

Dengan yang sedemikian kegiatan-kegiatan di peringkat jabatan-jabatan Kerajaan dengan berbagai-bagai acara dan majlis-majlis keagamaan ialah tepat menjadi sebahagian sumbangan ke arah menjamin keselamatan negara, bukan sebaliknya mendatangkan kesan-kesan negatif terhadap keselamatan itu sebagaimana yang barangkali dijangkakan oleh segelintir orang. Sebab suasana beragama yang semakin ketara dan syiar Islam yang semakin berkesan menurut perspektifnya yang sebenar adalah akan menjadi benting kepentingan keselamatan negara yang sudah memilih coraknya untuk kekal sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja.

Tinggal lagi adalah perlu dipastikan supaya penghayatan ugama itu bukan penghayatan yang bermusim. Dan kita sebenarnya percaya keadaan yang wujud pada masa ini akan terus kukuh pada landasannya yang menandakan penghayatan ugama yang akan berpengaruh ke atas usaha-usaha bercara hidup dengan cara hidup Islam yang sebenar-benarnya.

Ke arah yang sedemikian itulah kita sebenarnya menaruh harapan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berangkat bercemar duli bagi melan-carkan kempen pengambilan ahli-ahli dan penubuhan kompeni baru Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam. Majlis tersebut telah diadakan di Pusat Belia pada hari Ahad lepas.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ke Maj-

lis itu telah dialu-alukan oleh Pesuruhjaya Pandu Puteri, Datin Hajjah Zahrah yang kemudiannya memperkenalkan pegawai-pegawai Pandu Puteri (gambar kanan).

Gambar atas kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna; Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri, Datin Hajjah Zahrah; Yang

Dimulikan Dayang-Dayang Diraja, Datin Hajjah Rosnah dan Datin Masni bte Haji Ali di Majlis Pelancaran tersebut.

Setelah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri menyempurnakan pelancaran tersebut, Baginda dijunjung untuk menyaksikan beberapa pameran kegiatan yang diusahakan oleh Pandu Puteri seperti kelihatan dalam gambar-gambar bawah.



PERNIAGAAN CARA KUMPULAN SANGAT DIGALAKKAN

BANDAR SERI BEGAWAN.

Dalam Pembangunan Ekonomi, corak perniagaan yang berbentuk kumpulan (Public Participation) adalah sangat digalakkan daripada corak perniagaan persendirian, tegas Awang Hj. Ibrahim bin Hj. Mat Yassin, Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa.

Beliau menjelaskan, "corak seperti ini antara lainnya akan mengurangkan persaingan sesama sendiri, yang akhirnya merugikan diri sendiri tetapi menguntungkan pihak lain."

Kebanyakan orang ramai jelasnya, lebih meminati perkerjaan yang rendah pengeluarannya sama ada di pihak Kerajaan mahupun di pihak sektor swasta, kerana perkerjaan sedemikian adalah mudah dan tepat serta dapat memberikan peluang bagi mereka memperluaskan pendapatan sampingan.

Awg Hj Ibrahim bin Hj Mat Yassin berucap demikian bagi pihak Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awg Abd Rahman di Majlis Perasmian Pelancaran Perkhidmatan Lori dan Bas bagi Syarikat Kerjasama Pengangkutan Nasional Ahad lepas.

Seterusnya beliau menyedari beberapa pertubuhan yang pada peringkat awalnya mempunyai semangat kuat dalam usahawan tetapi akhirnya menjadi lemah, kerana disebabkan perancangan-perancangannya bersandarkan kepada harapan yang optimistik tanpa memikirkan sudut lain.

Apa yang mustahak katanya, perancangan yang teratur adalah salah satu kaedah yang dapat menunjukkan usahawan-usahawan seperti mana yang dicapai oleh pihak lain.



AWANG Haji Ibrahim, merasmikan penubuhan syarikat tersebut bagi pihak Y.B. Menteri Pembangunan.

Menyentuh mengenai perkhidmatan, beliau memberi pandangan bahawa pihak pengurus hendaklah merancang beberapa perkara penting seperti sewa yang berpatutan, berkepercayaan kepada pengguna dan penyelarasnya, serta memberikan layanan yang bertata tertib, dan mengusahakan perkhidmatan di masa-masa 'peak hours' yang mana perkhidmatan tersebut jelasnya dapat mengurangkan kesesakan jalan raya.

"Dalam perancangan dan usaha yang terperinci, yang mana akan menghasilkan sistem transit dan pengangkutan yang efficient maka dengan sendirinya akan memberi gambaran atau image yang baik bagi negara ini," kata Awg Hj Ibrahim.

Akhirnya beliau berharap lebih banyak lagi orang ramai akan menyertai Syarikat tersebut bagi meningkatkan pendapatan di samping memperluaskan perkembangan ekonomi negara.

Turut sama berucap di majlis tersebut ialah Pengerusi Syarikat Kerjasama Pengangkutan Nasional, Awg Hj Hapiz bin Pehin Laksamana Awg Hj Abd Razak, antara lain berharap

kepada badan-badan pengangkutan dan pengusaha perseorangan tidak akan salah faham mengenai kemunculannya syarikat tersebut, malah sebaliknya adalah sebagai rakan seperniagaan dalam meluaskan bidang perniagaan pengangkutan.

Beliau menyeru badan-badan swasta negara ini agar memberikan kerjasama dan sokongan kepada syarikat tersebut untuk sama-sama memainkan peranan demi kepentingan rakyat serta pembangunan negara.

Hadir di majlis tersebut termasuklah wakil-wakil Tuan Yang Terutama Diplomat asing, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan serta wakil-wakil firma swasta.



AWANG Haji Ibrahim menapung tawar salah sebuah kenderaan kepunyaan syarikat berkenaan sejurus selepas beliau melancarkan perasmianya.

Penubuhan Syarikat Pengangkutan Nasional

Oleh: Ahat Ismail

BANDAR SERI BEGAWAN.

Syarikat Kerjasama Pengangkutan Nasional adalah sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Undang-Undang Syarikat Kerjasama Negara Brunei Darussalam, ditubuhkan pada 6 Julai 83 dengan mempunyai keramaian ahli lebih dari 100 orang yang terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan serta rakyat jati negara ini. Ketika ini pendaftaran menjadi ahli masih dibukakan dengan syarat seseorang itu mestilah membayar wang bersekutu sebanyak \$25 sebagai ahli bersekutu, serta membeli saham syarikat serendah-rendahnya 10 saham di mana setiap satu saham seratus ringgit.

Sebanyak 40 buah permit bagi lori dan dua buah permit bas telah dipunyai oleh syarikat ini. Di peringkat permulaan, ianya mempunyai sebanyak 16 buah lori dan

dua bas berbentuk sederhana dengan memuatkan seramai 20 orang penumpang tiap sebuah, dan kadar pembayaran tambang pengangkutan penumpang tertakluk kepada tempat-tempat yang dituju serta ianya mengikut kadar biasa yang ditentukan oleh kerajaan.

Perkhidmatan pengangkutan bas akan dimulakan di Perhentian Bas Bandar Seri Begawan, melalui Jalan Kumbang Pasang, menuju ke Kompleks Jabatan-Jabatan Kerajaan di Lapangan Terbang Lama Berakas. Dari sana ianya akan melalui Jalan Berakas, seterusnya ke Lapangan Terbang Antarabangsa dan terus menuju ke Jalan Muara, hinggalah ke Maktab Paduka Seri Begawan.

Sementara itu sebuah bas akan berlepas dari Pusat Perhentian Bas Bandar Seri Begawan, akan melalui Jalan Tasek Lama, Jalan Kebangsaan, Jalan Stadium Negara, Jalan Kampong Pulaie, hinggalah ke Maktab Paduka Seri Begawan Jalan Muara. Dari sini kedua buah bas tersebut akan menukar perkhidmatan mereka bagi perjalanan balik ke Perhentian Bas Bandar Seri Begawan, melalui Jalan Berakas dan sekitar Jalan Kumbang Pasang, menuju ke Perhentian Bas Bandar Seri Begawan.

Setiausaha Syarikat Kerjasama Pengangkutan Nasional Pg. Hj. Abbas bin Pg. Hj. Besar menerangkan bahawa syarikat tersebut bertujuan untuk memberikan sistem pengangkutan yang tetap dan tepat perjalanannya dari satu perhentian ke satu perhentian.

"Selain dari itu ianya juga

bertujuan untuk mengurangkan kesulitan-kesulitan bagi mereka yang tidak mempunyai kenderaan sendiri yang mana secara tidak langsung perkhidmatan bas ini sedikit sebanyak dapat memberikan kemudahan kepada pengguna-pengguna," ujarnya.

Menyentuh dengan perkhidmatan lori, Pg. Hj. Abbas menjelaskan ianya dibukakan kepada sesiapa saja berhasrat menggunakannya, dengan cara sewa mengikut yang ditentukan atau secara pajak kepada syarikat-syarikat. Selain dari itu, mereka yang menghendaki secara bayaran bulanan juga akan dipertimbangkan.

Di samping perkhidmatan pengangkutan bas dan lori, syarikat juga bercadang untuk mendirikan bengkel rawatan dan stesen penjualan minyak Shell.

Tentera Udara German menjadi juara

BERAKAS GARISON.

Kejohanan Helikopter Antarabangsa kali ke-5 anjuran Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang diadakan selama enam hari berakhir pada Ahad lepas dengan satu majlis penyampaian hadiah yang telah disempurnakan oleh Pengerintah ABDB, Brigedier General JPW Friedberger bertempat di Stadium Berakas Garison.

Seramai 10 pasukan telah berjaya ke peringkat akhir dari 19 buah pasukan yang mengambil bahagian di kejohanan tersebut. Pemenang keseluruhan di kejohanan itu disandang oleh Tentera Udara German (GKL) yang menggunakan pesawat Bolkow 105 CBS yang dipandu oleh T. Heller dan H. Von Detten memenangi piala Kol. Cheshire Wine Chiller.

Tempat kedua, Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang menggunakan pesawat BELL 212 yang dipandu oleh Lt. Rashid dan L/Cpl. Ak. Omarali dan mereka juga berjaya dipilih

sebagai pasukan terbaik tempatan dengan merangkul piala 'The Rose Bowl' yang diadiahkan oleh Mejar Pehin Abdul Rahman. Tahun lepas piala tersebut dimenangi oleh Mejar Karim dan S/Sgt Ali Salam. Pemenang ketiga, pesawat yang dipandu oleh Lt. Harris dan L/Cpl. Husaini yang menggunakan BELL 212 dari Tentera Udara ABDB.

Pasukan-pasukan yang berjaya ke peringkat akhir terdiri enam pasukan tempatan dari Tentera Udara ABDB yang menggunakan pesawat BELL 212 dan BULKOW 105 dan empat pasukan luar negeri iaitu Tentera Udara Diraja Malaysia (RMAF) yang menggunakan pesawat ALOUETTE berpangkalan di Kuching dan Labuan; Tentera Udara Singapura (SAF) yang menggunakan pesawat BELL 205 berpangkalan di Brunei; Tentera Udara German (GKL) berpangkalan di Singapura yang menggunakan pesawat BULKOW 105 CBS dan Tentera Udara British (AAC)

yang menggunakan pesawat SCOUT berpangkalan di Serbia.

Sebelum itu ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pegawai Pemerintah Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Lt. Kolonel Dato Seri Laila Jasa Pengiran Abidin bin Pengiran Ahmad yang antara lain berkata, bahawa Kejohanan Helikopter Antarabangsa kali ke-5 yang diadakan sejak tahun 1980 bertujuan untuk meningkatkan taraf kecakapan memandu dan memperbaiki mutu penerbangan supaya sentiasa dalam keadaan selamat.

Beliau berkata ianya juga akan dapat mewujudkan perasaan muhibah dalam mempererat tali persaudaraan di antara peserta tempatan dan luar negeri yang mengambil bahagian di kejohanan tersebut di samping memberi hiburan kepada orang ramai.

Kejohanan tersebut dibahagikan kepada dua

bahagian iaitu pertandingan meluruskan haluan (navigation events) yang menguji kemahiran akademik dan menguji haluan arah penerbangan. Bahagian kedua, membaiki penerbangan (precision flying events) di mana setiap pasukan yang mengambil bahagian dikehendaki melakukan sesuatu tugas yang telah ditentukan dengan menjalani berbagai halangan.

Upacara hari itu diserikan dengan pertunjukan akrobatik oleh dua buah pesawat kapal terbang SF 260W dari Squadron Ketiga Tentera Udara ABDB. Di samping itu pertunjukan terjun payung oleh PATDU ABDB dan permainan pan-caragam Pasukan Pan-caragam ABDB.

Setakat ini Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mempunyai empat operasi unit yang terdiri dari 30 orang pemandu pesawat terbang 30 orang pembantu dan 13 orang jurulatih terjun payung.



AWG. T. Heller dari Tentera Udara German ketika menerima hadiah kemenangan keseluruhan terbaik yang disampaikan oleh Pengerintah Pasukan ABDB, Brigedier General JPW Friedberger.

IMAN adalah merupakan nikmat dan kurnia Allah yang paling besar dan tinggi terhadap manusia. Ia adalah kepunyaan Allah Subhanahu Wataala yang dikurniakan-Nya hanya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dari kalangan orang yang dicintai-Nya. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam ayat 56 Surah Al-Qasas menegaskan:

"Engkau (Muhammad) tidak akan dapat memberikan petunjuk iman sekalipun kepada orang yang paling engkau cintai kerana Allah-lah yang akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang dikehendaki-Nya, dan Allah lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat petunjuk."

Dan sahda Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam menjelaskan:

"Allah mengurniakan harta dan kekayaan kepada sesiapa sahaja tanpa pandang bulu; baik ia orang yang dibenci-Nya atau orang yang dicintai-Nya, tetapi Allah memberi petunjuk iman dan ugama hanya kepada orang-orang yang dicintai-Nya."

Orang yang beriman adalah orang yang berbahagia; berbahagia dalam kehidupan dunia dan akhirat. Sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Berbahagialah orang yang melihatku dan beriman kepadaku tetapi lebih berbahagia malah jauh lebih bahagia orang yang tidak melihatku tetapi beriman kepadaku."

Yang dimaksudkan orang-orang itu adalah kita semua, sekalipun kita tidak pernah berjumpa dengan Nabi tetapi itu tidak menghalang kita dari beriman kepada Islam.

Apabila disebut bahawa orang yang beriman itu ialah orang berbahagia, ini tidak bermakna bahawa orang yang beriman itu orang yang dimanjakan oleh Allah Subhanahu Wataala dengan kesenangan dan nikmat semata-mata tetapi orang yang beriman itu akan terus menerus menghadapi ujian terhadap keimanan dalam bentuk kebaikan atau keburukan. Firman Allah Subhanahu Wataala yang maksudnya:

"Alif, Laam, Mim. Apakah manusia itu menyangka bahawa mereka akan dibiarkan begitu saja dengan mengatakan: 'Kami telah beriman' sebenarnya mereka akan diuji. Dan sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang benar dan mengetahui dengan pasti orang-orang yang ber dusta."

Ujian itu amat perlu bagi menentukan siapa yang kuat imannya atau lemah. Orang yang lemah itu selalu disifatkan sebagai orang-orang yang sabar dan sentiasa bersyukur dalam menghadapi apa jua ujian dari Allah Subhanahu Wataala.

Firman Allah Subhanahu Wataala yang bermaksud:

"Dan Aku jadikan bagi kamu sekalian keburukan dan kebaikan sebagai ujian dan kepada Aku-lah kamu akan dikembalikan."

Allah memberikan kebaikan kepada orang yang

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....

BOLEHKAH WUDUK HANAFI SEMASA HAJI?

Siri ke-224

ORANG-ORANG Shafie boleh bertakliq dengan orang Hanafi dalam perkara wuduk, setelah orang Shafie itu mengetahui syarat-syarat wuduk Hanafi dan perkara-perkara yang membatalkan wuduk pada wuduk Hanafi, jikalau orang Shafie tiada mengetahui syarat-syarat wuduk Hanafi dan perkara-perkara yang membatalkan pada wuduk Hanafi tiadalah sah dan tiada boleh ia bertakliq, maka apabila orang

Shafie menyentuh kulit isterinya atau suaminya atau orang laki-laki atau perempuan bukan muhrim yang selama-lamanya muhrim (muhrim muabit), maka batallah wuduk orang Shafie itu dan apabila ia tawaf sesudah menyentuh atau tersentuh itu maka tawafnya tiada sah dan tiada dipakai.

Jadi kalau orang Shafie mahu ikut wuduk Hanafi mestilah ia belajar wuduk Hanafi dan syarat-syaratnya dan perkara membatalkan wuduk Hanafi. Dan ia buat wuduk cara Hanafi itu.

Adapun ikut cakap orang jahil di Mekah atau orang haji dengan tiada ia belajar dan

tiada selidik akan wuduk Hanafi adalah salah dan haram dan tiada sah tawaf haji atau tawaf sunat atau tawaf umrah itu dan orang itu balik ke kampungnya tiada dapat haji Islam atau haji sunat kiranya mengerjakan haji sunat.

WALLAHUAKLAM



SEMBAHYANG ASAS KEKUATAN IMAN

BERIKUT ini disiarkan syarahan khas sempena Sambutan Israk dan Mikraj tahun ini yang telah diadakan di Dewan Raya Radio dan Televisyen Brunei pada 27 April 1984 yang disampaikan oleh Ustazah Dayang Aishah bte Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof, Pegawai Pelajaran Ugama, Brunei.



ketidakadilan dalam pembahagian rezeki.

Ujian keimanan ini amat perlu memandangkan adanya anggapan yang mengatakan bahawa beriman itu memadai dengan hanya mengucapkan dua kalimah syahadat mengaku bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad itu Pesuruh Allah, atau iman itu telah sempurna dengan hanya mempercayai pokok-pokok yang terkandung dalam Rukun Iman iaitu percaya kepada Allah, kepada Malaikat, kepada kitab-kitab Allah, kepada hari kiamat dan kepada Qadq dan Qadar Allah.

Anggapan ini amat keliru kerana iman yang sempurna itu adalah kepercayaan yang mantap dalam hati, ucapan lisan sebagai saksi terhadap kepercayaan hati dan seterusnya dibuktikan dengan amal perbuatan yang sesuai dengan tuntutan kepercayaan dari ucapan tadi. Dengan kalimat lain iman itu terdiri dari lurusnya kepercayaan hati, pengakuan lisan dan sempurnanya amal perbuatan. Rasulullah menegaskan tentang iman dalam sabda Baginda yang diriwayatkan oleh At-Tabarani yang bermaksud:

"Iman ialah pengakuan dengan hati, pengucapan dengan lisan dan pengamatan dengan anggotanya."

Orang yang beriman akan terdorong melaksanakan kewajipan ugama yang terkandung dalam Rukun Islam dengan sempurna. Bagaimana iman itu sesuai dengan sifatnya yang boleh menerima perubahan sama ada kerana pengaruh luaran iaitu unsur-unsur yang terjadi di sekelilingnya ia memerlukan sesuatu perawatan yang boleh terus menerus memperkukuh atau menguatkannya sehingga tidak dapat ditembusi oleh perasaan ragu dan was-was, iaitu dengan sembahyang sebagaimana Firman Allah yang bermaksud:

"Mintalah pertolongan dalam apa jua usaha dengan sabar dan sembahyang,

sesungguhnya sembahyang itu amat berat untuk dilaksanakan kecuali oleh orang-orang yang benar-benar bertakwa."

Iman itu boleh menebal, boleh kuat, boleh mantap dan boleh sebaliknya, iaitu boleh tipis, boleh lemah dan boleh lenyap. Sembahyang adalah cara mendekatkan diri kepada Allah bagi menimbulkan ketakwaan yang dapat menguatkan iman kita. Sembahyang adalah bukti sujud, taat, syukur dan bakti kita sebagai hamba kepada Allah. Sesungguhnya sembahyang itu mengingatkan kita kepada tujuan utama kehidupan kita di dunia ini, tempat sementara yang diciptakan Allah sebagai darul-amal — tempat berusaha bagi kehidupan yang abadi, iaitu akhirat. Firman Allah dalam ayat 65 Surah Az-Zariat yang bermaksud:

"Tidak Aku jadikan manusia dan jin itu kecuali untuk beribadat menyembah-Ku."

Dengan mendirikan sembahyang seorang mukmin akan terus-menerus mempunyai dorongan yang kuat bagi melakukan ketataan kepada Allah, beribadat kepada Allah, hidupnya diarahkan semata-mata bagi mencari dan mencapai keredaan Allah dalam amalan beragama, berumah tangga, bermasyarakat dan bernegara. Orang yang sembahyang sentiasa menyedari hakikat dirinya yang akan merasai mati kerana Allah menegaskan yang maksudnya:

"Setiap jiwa itu akan merasai kematian. Untuk itu orang mukmin perlu bersiap-siap bagi menghadapi itu dengan bersembahyang."

Sembahyang adalah lanjutan dan bukti terhadap ikrar kalimah syahadat yang kita lafaskan. Ia memainkan peranan penting terhadap ugama dan iman. Orang boleh hidup tanpa tangan, tanpa kaki, tetapi orang tidak boleh hidup tanpa kepala — begitulah perbandingan pentingnya sembahyang itu terhadap ugama dan iman. Ugama tidak dapat berdiri tegak dan kukuh tanpa sembahyang yang dianggap sebagai tiangnya. Sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Baihaqi:

"Sembahyang itu tiang ugama, sesiapa yang mendirikan sembahyang sesung-

guhnya ia telah mendirikan ugama dan sesiapa yang meruntuhkan yakni meninggalkan sembahyang sesungguhnya ia telah meruntuhkan ugama."

Keimanan seseorang itu akan terus menjadi kuat dengan mengerjakan ibadat sembahyang kerana sembahyang itu merupakan perhubungan langsung antara hamba dengan Allah yang menghendaki penyerahan diri sepenuhnya iaitu dengan khusus dan tawaduk. Adalah tidak diragui orang yang sembahyang dengan khusus dan tawaduk akan tetap melaksanakan kewajiban-kewajiban ibadat yang lain.

Orang yang sembahyang pasti akan mengerjakan puasa, mengeluarkan zakat, naik haji dan melaksanakan amal makruf nahi munkar — inilah yang dimaksudkan dengan mendirikan sembahyang itu bererti mendirikan ugama, ini adalah kerana orang yang bersembahyang itu dipengaruhi atau dirangsangi oleh ikrarnya yang selalu diulang-ulangnya dalam sembahyang:

"Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku hanya bagi Allah Tuhan pentadbir sekalian alam."

Dengan ikrar tersebut ia menjadi seorang yang taat kepada Allah dalam tindak-tanduknya, dalam mengatur rumahtangganya, melaksanakan tanggungjawabnya terhadap kepentingan ugama, masyarakat dan negara, ini adalah merupakan bukti keimanan yang kuat, ia malu membelakangi ikrarnya kepada Allah.

Cuma sayang, amat menakutkan ramai orang yang mengaku beriman tetapi tidak sabar mendirikan sembahyang, sembahyang hanya dikerjakan 3 kali sehari iaitu fardu Maghrib, Isyak dan Subuh kerana waktu Zohor dan Asar adalah waktu setiap kita berkejar dengan masa, menjalankan tugas seharian sama ada di Pejabat, di Sekolah, di Laut, di darat atau di udara sehingga tidak berkesempurnaan langsung untuk mendirikan sembahyang. Ada yang paling tidak sabar, sembahyang hanya seminggu sekali iaitu berjumpa dan paling tidak sabar sembahyang hanya dua kali setahun.

Bersambung minggu depan

MARILAH kita terus sama-sama bertakwa, berbakti dan taat kepada Allah Subhanahu Wataala dengan mengerjakan segala perintah dan menjauhi larangan-larangan-Nya. Hanya dengan cara ini kita akan beroleh keselamatan dan kesejahteraan di dunia dan lebih-lebih lagi di akhirat.

Eloklah kita tambah sedikit lagi penerangan mengenai ibadah sembahyang iaitu sebagai isi dari sambutan Israk dan Mikraj yang mula kita sambut masa ini. Keterangan mengenai ibadah ini mudah-mudahan akan lebih-lebih lagi menyedarkan hati kita supaya lebih khusyuk dan lebih kuat lagi untuk memeliharanya terus sebagai amalan yang wajib yang kita tetap akan kerjakan dengan sempurna dan teratur sebagaimana semestinya.

TIANG UGAMA

Seperti kata hadis, Ibadah sembahyang itu adalah tiang agama. Jadi sebagai tiang dilaah yang menjadi penegaknya. Jika diumpamakan agama Islam itu sebagai sebuah bangunan maka bentuk keseluruhan bangunan itu ialah rukun-rukunnya yang lima. Sesudah Dua Kalimah Syahadat rukun yang pertama, disebut pula ibadah sembahyang sebagai rukun yang kedua. Kedua-duanya diletakkan paling atas seperti letak dan kedudukan kepala bagi suatu tubuh manusia. Jadi jika sembahyang itu dimisalkan sebagai kepala maka apakah yang terjadiandainya seseorang itu tidak berkepala? Dapatkah kita bayangkan bagaimana keadaannya? Jawabnya sudah tentu tubuh yang demikian itu bukan lagi merupakan lembaga yang sempurna bahkan dengan tidak ragu-ragu kita namakan ia lembaga yang mati sebab tidak pernah terjadi orang boleh hidup tanpa kepala.

Maka begitulah halnya dengan agama Islam, agama yang kita anut, tanpa ibadah sembahyang, seseorang itu walaupun dia mengaku sebagai penganut Islam adalah



ibarat tubuh yang tidak berkepala. Tubuh yang tidak berkepala adalah lembaga yang mati iaitu samalah halnya dengan Islam tanpa sembahyang. Islam yang sempurna yang diiktiraf oleh Allah ialah Islam yang lengkap sebagai suatu tubuh yang sempurna tetapi ini adalah Islam yang sudah tidak ada kepalanya lagi ertinya orang yang tidak sembahyang itu telah merobohkan Islam bagi dirinya sendiri.

AMARAN MENINGGALKAN SEMBAHYANG

Kerana itulah sangat keras amaran bagi orang-orang yang sengahaja meninggalkan ibadah sembahyang itu. Ia disebut oleh banyak ayat Quran dan hadis-hadis Nabi Salallahu Alaihi Wasallam. Jika kita baca dan amat-amati akan segala amaran ini maka kita pun naik ngeri dibuatnya. Antara lain beberapa buah hadis Nabi Salallahu Alaihi Wasallam telah disebut oleh As-syeikh Al-Imam Abdullah. Baalwi Al-Haddad di dalam kitabnya An-Nasae Ad-Diniyah atau 'Sahabat-Sahabat Agama Islam' yang bermaksud lebih kurang:

"Barangsiapa yang meninggalkan ibadah sem-

bahyang dengan sengahaja maka orang itu terlepas daripada tanggungan atau jaminan Rasulullah."

Tambah menakutkan lagi sebuah hadis lain yang bermaksud: "Barangsiapa yang meninggalkan ibadah sembahyang dengan sengahaja maka orang itu kafir secara berterang-terangan."

CELAKA BESAR

Berdasarkan keterangan-keterangan hadis di atas nyatalah meninggalkan sembahyang itu adalah seberat-berat dosa dan seburuk-buruk kelakuan bagi orang Islam. Ia boleh membawa celaka yang sebesar-besarnya. Masa itu janganlah diharapkan rahmat Allah kerana Allah

SEMBAHYANG: TIDAK ADA TAWAR-MENAWAR

telah berjanji tidak akan meletakkan orang-orang yang meninggalkan sembahyang itu di bawah jaminan-Nya lagi iaitu suatu petaka dan malang yang amat dahsyat.

Lima Waktu Sembahyang iaitu Zuhur, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh, Allah tidak ada tolak ansur padanya. Diwajibkan kepada kita mesti buat. Seluruh orang Islam bagaimanapun jua keadaannya, tidak diberikan kelonggaran untuk meninggalkan ibadah sembahyang itu walaupun satu waktu sahaja daripada yang lima, tidak dibenarkan sama sekali. Ia mesti buat, tidak kira sama ada waktu kita senang atau susah, waktu sihat atau sakit, tidak ada cuti sama sekali. Kecuali apabila telah benar-besar lemah, di puncak akan berakhir hayat kita apabila segalanya sudah tidak berfungsi lagi.

JANGAN PANGLING

Begitulah beratnya ibadah sembahyang itu mesti ditunaikan oleh

orang-orang Islam. Kita hendaknya sedar dan insaf akan hal ini, mesti jangan kurang azam untuk terus melaksanakannya dengan sempurna dan sebaik-baiknya. Jika kita seorang bapa, kita hendaklah dahulu membuatnya, jangan pangling, jangan bergantung-gantung. Kerana nisbah dengan keluarga kita, maka kitalah ketua kitalah imam mereka. Bawa anak isteri kita, ajak mereka, seret mereka libatkan ke dalam bertakwa menyembah Allah ini. Begitu juga kalau puan seorang ibu dan seorang kakak, atau tuan seorang abang, maka sama-samalah kita menjadi pemimpin, menjadi guru, pemandu dan penasihat kepada anggota keluarga kita yang lain agar sama-sama merasakan manisnya taat kepada Allah itu, sama-sama beroleh nikmat dan rahmat daripada-Nya dan jika boleh janganlah ada lagi yang mahu berkecuali dari turut sama-sama berbakti kepada Allah Subhanahu Wataala.

Sambutan Israk Mikraj bermula

LEBIH 200 orang telah menghadiri sambutan Israk dan Mikraj yang diadakan di Masjid Omar Ali Saifuddin di ibu negara pada malam Ahad sebagai menandakan bermulanya sambutan bagi memperingati peristiwa penting dan bersejarah itu.

Acara kemuncak sambutan tahun ini ialah pertandingan nasyid peringkat kebangsaan yang diadakan di Dewan Raya Radio dan Televisyen dan disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Brunei.

Sambutan di Masjid Omar Ali Saifuddin itu dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Mudim Mustafa bin Haji Murad, dan satu syarahan khas yang disampaikan oleh Ustaz Haji Ishak bin Abdullah, Pegawai Pelajaran Agama, Brunei.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 2 Mei, 1984 hingga ke hari Selasa 8 Mei, 1984 adalah seperti di bawah ini:—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
2-5	12.24	3.37	3.38	6.30	6.31	7.42	7.43	4.52	4.39	4.53	6.06	6.07
6-8	12.23	3.37	3.38	6.30	6.31	7.42	7.43	4.52	4.39	4.53	6.05	6.06

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

LIMA ASAS TEGAKKAN ISLAM

UGAMA Islam itu didirikan atas asas atau sendi yang lima, yang menjadikan sebagai rukunnya yang amat penting. Asas-asas itu dikenal sebagai rukun Islam. Yang mana hukum mengerjakan kelima-lima sendi atau rukun itu adalah fardu ain yang diwajibkan kepada setiap individu Islam untuk mengerjakannya menurut ketentuan hukum. Selain daripada sendi yang lima itu ada pula perkara-perkara lain yang menjadi cabangnya.

Islam yang boleh menyelamatkan manusia ialah Islam yang membawa kepada penyerahan kepada Allah Subhanahu

Wataala dalam segala perkara yang ditetapkan-Nya, dan membataskan diri seseorang dari melampau pantang larang-Nya.

Islam yang diumpamakan mempunyai tiang iaitulah rukunnya yang lima. Islam juga diibaratkan suatu binaan yang didirikan di atas lima asas, kekuatan dan keselamatan binaan itu adalah kerana teguhnya asas yang menjadi 'foundation', sebaliknya kegoncangan atau keruntutan sebahagiannya adalah kerana salah satu tiang asas itu runtuh atau patah atau reput dan mumut. Demikian pula agama Islam, kekurangan salah

satu rukunnya atau lebih adalah menyebabkan kekurangan nilai bagi penganut-penganutnya, sekalipun ia dikatakan orang Islam, malah ada orang mengatakan Islam seperti itu hanya Islam keturunan atau Islam warisan sahaja.

Dalam hubungan ini Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam bersabda yang kira-kira bermaksud: "Dari Abdul Rahman Abdullah bin Muhammed bin Al-Khatrab radiallahu anhumanya: Aku telah mendengar Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam bersabda: Didirikan Islam atas asas lima rukun; per-

Menuju keredaan Allah

tamanya syahadat; pengakuan tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawasanya Muhammad Rasul Allah; kedua: mendirikan sembahyang; ketiga: mengeluarkan zakat; keempat: mengerjakan haji di Baitullah dan kelima: puasa bulan Ramadan." Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim

Imam Nawawi berkata: "Bahawa hadis ini adalah terhitung salah satu hadis yang sangat besar nilainya, yang mana ia menerangkan dasar-dasar agama Islam dan asas-asas hukumnya."

Oleh kerana kelima-lima perkara itu telah menjadi rukun Islam, maka sayugialah kita umat Islam membuatnya ke lima-lima perkara itu demi untuk menegakkan diri kita sebagai seorang Islam yang kukuh seperti suatu binaan yang tiada reput dan mumut. Andainya kita tidak sempurna membuat dan mengamalkan kelima-lima rukun itu, maka kedudukan kita

sebagai seorang Islam masih dapat digoyang oleh iblis dan syaitan kerana asas kita tidak berpijak di atas suatu asas yang kuat.

Adalah suatu perkara yang mesti diyakini oleh kita umat Islam untuk menegakkan negara dan maruah Islam, maka terlebih dahulu tegakkanlah maruah diri kita masing-masing dengan membina rukun-rukun Islam yang lima itu supaya ia menjadi seolah-olah suatu bangunan yang kukuh dan kuat dan dapat menempuh badai dan taufan — menegakkan tiang agama adalah menjaga maruah diri, bangsa, agama dan tanahair.

Menjelang pertandingan Quran peringkat kebangsaan:

PEMBACAAN AL-QURAN PERNAH HARUMKAN NAMA BRUNEI — SEJARAH RINGKASNYA

PADA 7 September, 1977 Negeri Brunei (sekarang Negara Brunei Darussalam) telah mencatatkan sejarah penting di mata dunia antarabangsa khususnya bagi negara-negara Islam apabila Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit muncul sebagai johan pertandingan membaca ayat-ayat suci Al-Quran yang diadakan di Kuala Lumpur dengan mengalahkan 18 orang qari dari 18 buah negara-negara Islam yang mengambil bahagian.

Rakyat dan negara bergembira dan bersyukur atas kemenangan gemilang yang dicapai oleh wakil Brunei itu. Sebagai tanda gembira dan bersyukur beratus-ratus orang yang terdiri dari keluarga, sanak-saudara, sahabat handai beliau dan pegawai-pegawai Kerajaan telah berada di Lapangan Terbang Antarabangsa di Berakas pada 8 September, 1977 untuk menyambut kepulangan qari yang membawa tuah kepada Negara Brunei itu.

Kemudian beliau diarak mengelilingi Bandar Seri Begawan Brunei dalam sebuah kereta terbuka sambil mengangkat hadiah kemenangannya.

Berikutan dengan itu beberapa majlis kesyukuran telah juga diadakan termasuklah antaranya yang dianjurkan oleh Kerajaan sebagai tanda gembira rakyat di negara ini atas kemenangan Awang Haji Mashud yang telah dapat mengharumkan nama negara ini.

Penghormatan yang diberikan kepada Awang Haji Mashud bukan di peringkat rakyat saja tetapi hinggalah kepada pemerintah tertinggi negara ini iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, di mana Baginda sendiri telah mengurniakan bintang kebesaran Darjah Seri Ugama Negeri Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga (SSUB) kepada Awang Haji Mashud bersempena dengan sambutan puja usia Baginda yang ke-28 tahun pada tahun 1978.

Dalam satu temuramah berhubung dengan kemenangannya itu Awang Haji Mashud berkata: "Hadiah kemenangan ini sebenarnya adalah kemenangan rakyat Brunei terutama umat Islam, dan saya sifatkan diri saya sebagai perantara sahaja di samping doa seluruh rakyat dan berkat Daulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan."

Terdahulu sebelum itu Awang Haji Mashud juga pernah mengharumkan nama Brunei dalam pertandingan yang sama bilamana beliau berjaya menduduki tempat ketiga pada tahun 1973. Beliau pernah mewakili negara ini ke pertandingan peringkat antarabangsa di Kuala Lumpur sebanyak tujuh kali, iaitu pada tahun-tahun 1965, 1971, 1972, 1973, 1974, 1975, dan 1977.

Semenjak kemenangan cemerlang yang dicapai oleh Awang Haji Mashud itu Brunei semakin mendapat perhatian dan digalati dalam bidang pembacaan Al-Quran bilamana wakil-wakil Negara Brunei yang berikutnya terus menempah beberapa kejayaan; antaranya ialah Dayang Hajjah Masni bte Haji Abd. Manaf berjaya sebagai naib johan qariah dalam pertandingan peringkat antarabangsa pada tahun 1979 dan disusuli pula oleh Dayang

Hajjah Siti Ara bte Haji Idris yang menduduki tempat ketiga pada tahun berikutnya. Manakala pada tahun 1981 Awang Haji Mohd. Yusof bin Abu Bakar telah juga berjaya menduduki tempat ketiga.

Biasanya dalam banyak perkara disebalik setiap kejayaan itu ada dua faktor yang penting, iaitu usaha dan dorongan. Begitu juga hanya dengan kejayaan qari-qari dan qariah-qariah negara kita — mereka tidak terus bersependirian dalam menimba ilmu dan meninggikan mutu bacaan mereka.

Sejak tahun 1965 lagi Kerajaan telah membuka kelas-kelas dewasa membaca Al-Quran bersama-sama dengan kelas dewasa agama. Memandangkan kepada sambutan orang ramai yang sangat menggalakkan, tiga tahun kemudian kelas dewasa Al-Quran itu diasingkan dari kelas dewasa agama dan seorang pegawai khas telah dilantik untuk mengendalikan kelas-kelas tersebut secara yang lebih berkesan dan sempurna. Pengendaliannya berjalan lancar menurut sebagaimana yang dicitakan memandangkan bertambahnya pelajar dan kelas-kelas yang dibuka pada tahun-tahun berikutnya.

Dalam pada itu usaha-usaha gigih para Qura' juga tidak dinafikan, sebagai contoh, Awang Haji Mashud sendiri pernah belajar di luar negeri untuk memperbaiki dan menghalusi bacaannya dengan perbelanjaan sendiri.

Jabatan Hal Ehwal Ugama selaku pihak yang bertanggungjawab dalam perkembangan pembelajaran Al-Quran di negara ini tidak putus-putus berusaha mengendalikan berbagai rancangan ke arah itu menurut keupayaan dan kebolehan



AWG. Hj. Md. Yusof bin Abu Bakar.....pemenang ketiga peringkat antarabangsa 1981.



AWG. Wasli bin Abu Bakar.....beberapa kali berjaya ke peringkat akhir.



AWG. Haji Rosli bin Haji Bolaji.....kali kedua ke peringkat akhir.



DYG. Hajjah Siti Ara bte Haji Idris.....pemenang ketiga pertandingan antarabangsa tahun 1980.



AWG. Md. Daud bin Abd. Kadir.....berjaya ke peringkat akhir tahun lepas.



Dayang Rokiah bte Ibrahim.....salah seorang angkatan baru.

tenaga-tenaga pengendalinya. Dalam tahun 1971 melalui jabatan tersebut Kerajaan telah menghantar beberapa orang pegawai agama yang terdiri dari guru-guru agama dan imam-imam masjid mempelajari bacaan Quran di Pusat Pengajian Quran, Kota Baru, Kelantan dan Malaysia.

Selain dari latihan-latihan di luar negeri, latihan-latihan dalam negeri juga sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Antaranya penubuhan majlis Qura' pada 4 Februari, 1978 yang merupakan kelas pembaca Quran berpusat di Maktab Perguruan Agama Seri Begawan. Peserta-peserta yang terpilih untuk memasuki kelas tersebut terdiri dari mereka yang pernah menjadi johan dalam pertandingan peringkat negeri dan pernah mewakili negara ini ke pertandingan peringkat antarabangsa.

Jadi jelaslah rancangan itu bertujuan untuk meningkatkan taraf pembacaan peserta-peserta yang difikirkan layak mewakili negara ini ke pertandingan peringkat antarabangsa.

Dalam memperkatakan pembacaan Al-Quran ini ada baiknya kita singkap kembali sejarah ringkas perkembangannya sehingga ia dapat berhubung rapat dengan kita — bahkan telah menjadi sebahagian dari cara hidup kita. Lebih jauh dari itu pembacaan Al-Quran telah dijadikan semacam 'pesta' tahunan di mana para qari dan qariah handalan dari seluruh negara berhimpun dalam satu acara kemuncak pertandingan untuk memilih wakil negara kita ke pertandingan peringkat antarabangsa di Kuala Lumpur.

Pelajaran agama dan membaca Al-Quran di negara ini bermula di rumah-rumah persendirian dan di balai-balai yang diajar oleh imam-imam atau orang perseorangan yang ada kebolehan secara sukarela. Murid-muridnya pula terdiri dari kanak-kanak yang tergolong dalam lingkungan 'peranaknya', anak buah mereka dan anak-anak jiran tetangga yang berhampiran.



DYG. Jamilah bte Haji Abd. Manaf.....sudah beberapa kali memasuki peringkat akhir.



DK. Salbiah bte Pg. Md. Salleh.....salah seorang qariah yang berbakat.

Di Pekan Brunei (Bandar Seri Begawan sekarang) tumpuan orang ramai belajar ialah Pehin-Pehin Pegawai Masjid dan perkara-perkara yang diajarkan termasuklah zikir, rawatib, saman dan seumpamanya. Tempat belajar pula ialah di balai Pehin itu sendiri. Kerana pada masa itu setiap orang yang dikurniakan gelaran Pehin ada mempunyai balai tempat anak buahnya berkumpul menunaikan sembahyang far-du berjemaah dan lain-lain kegunaan yang berkebaikan. Di samping itu ada juga ibu bapa yang mengajar sendiri anak-anaknya di rumah masing-masing.

Apabila saja tiba bulan Ramadan (puasa), pelajar-pelajar yang menuntut di rumah-rumah dan di balai-balai itu akan menghadiri pula majlis-majlis tadarus yang biasanya juga diadakan di balai-balai, di masjid-masjid dan di rumah-rumah orang kenamaan dengan tujuan untuk mencubakan kebolehan mereka.

Pada zaman itu belum lagi ada pertandingan membaca Al-Quran, maka sepanjang bulan puasa itulah kesempatan yang baik bagi mereka untuk memperdengarkan bacaan di samping memperbaiki mutu bacaan masing-masing dengan cara 'mengayaukan' bacaan mereka ke majlis-majlis tadarus.

Memandangkan kepada perkembangan yang menggalakkan itu, maka timbulah pemikiran Pehin-Pehin Pegawai Masjid dan ahli-ahli jemaah masjid untuk mengadakan pertandingan membaca Quran bahagian orang-orang dewasa.


Dalam tahun 1948 iaitu zaman selepas perang dunia ke-2 bermulalah majlis pertandingan membaca Quran di Brunei yang hanya diadakan bagi penduduk Pekan Brunei sahaja. Manakala daerah-daerah Belait, Tutong dan Temburong mengadakannya beberapa tahun kemudian.

Sejak pertandingan itu diadakan yang bersempena dengan menyambut kedatangan tahun baru Hijrah sambutan orang ramai sangatlah menggalakkan, maka timbul pula pemikiran untuk mengemaskan pentadbirannya agar lebih teratur dan tersusun. Maka untuk maksud tersebut pengendalian pertandingan mula tahun 1953 telah diserahkan kepada Persatuan Kesatuan Islam Brunei iaitu satu-satunya persatuan kebajikan berdaftar dengan Kerajaan ketika itu.

Dengan Keupayaan Persatuan Kesatuan Islam, mulai tahun itu juga pertandingan dilaratkan kelima-lima daerah di negara ini iaitu Daerah Brunei, Belait, Tutong, Temburong dan Muara (Muara ketika itu dikira sebagai satu daerah berasingan dari Daerah Brunei).

Satu hal yang patut dibanggakan sejak pertandingan itu diadakan ialah mengenai pembelanjaannya, walaupun Persatuan Kesatuan Islam yang mengendalikannya, tetapi perbelanjaannya bukanlah ditanggung sepenuhnya oleh persatuan tersebut, bahkan sumber kewangannya diperoleh dari

Lihat muka 8



ASTAKA yang terletak di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin, di sinilah pertandingan akan diadakan tahun ini.



PROJEK Pasar di Gadong yang menelan belanja \$6.3 juta sedang giat dilaksanakan.

Bagi menampung keperluan pengguna:

DUA BUAH PASAR DIBINA DI IBU NEGARA

Oleh: Abd Karim Haji Abu Bakar

KEKUKUHAN ekonomi dan kestabilan suasana politik di negara ini telah membolehkan pihak Kerajaan terus-menerus melancarkan pelbagai rancangan sosio-ekonomi dan infrastruktur dengan baik dan teratur bagi faedah rakyat dan penduduknya.

Kesan dari usaha-usaha Kerajaan itu telah membolehkan kita menikmati taraf hidup yang baik dan selesa.

Salah satu lagi usaha yang kini sedang dilaksanakan ialah pembinaan sebuah pasar di Gadong.

KURANGKAN KESESAKAN

- ii) Sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam latihan di bidang pembekalan alat pelanggan dan kakitangan pemeliharaan, terutama di dalam sebuah negara membangun di mana Bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua.
- i) Menamatkan kursus latihan teknikal sehingga dilantik bertugas dengan sebuah Badan Telekom Kebangsaan yang diakui dan,
- ii) Mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman termasuk tugas-tugas penyeliaan di bidang pemasangan dan pemeliharaan alat-alat suis telefon termasuk Sistem Suis Elektronik dan PABX dalam Badan Telekom Kebangsaan dan,
- iii) Sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam kursus latihan perkembangan dengan Badan Telekom Kebangsaan.

Lain-lain Kelulusan

- Untuk jawatan-jawatan A, B dan C
- i) Berkelayakan sebagai Jurulatih Teknikal menerusi kursus Latihan Metodologi.
- ii) Pengetahuan dalam Bahasa Melayu berfaedah tetapi tidak perlu.

Untuk jawatan D

- i) Pengalaman yang luas dalam bidang perancangan, penulisan, perjalanan dan penilaian kursus latihan dalam bidang Asas Elektrikal, Elektronik dan Prinsip-Prinsip Telekom dan sekurang-kurangnya terlatih dalam salah satu daripada kursus amali yang berikut:
 - a) Sistem Suis Elektronik termasuk PABX dan penumpu talian.
 - b) Sistem Radio dan Pemancaran termasuk 'pair gain' dan Sistem PCM.
 - c) Ujian dan pembaikan alat-alat kad.

Had Umur

Sekurang-kurangnya 35 tahun. Tidak ada had Umur yang maksima asalkan sihat dari segi fizikal.

Jawatan dan Tugas

Pegawai Latihan Telekom melapor kepada Jurutera Telekom Kanan yang digelar Ketua Latihan.

Walaupun Pusat Latihan Telekom telah siap baru-baru ini, sebahagian daripada kursus akan dikendalikan di luar. Tugas yang tepat untuk tiap-tiap jawatan adalah seperti berikut: —

A) Untuk melatih kakitangan Loji Luar yang ditempatkan di bahagian perancangan loji talian telekom, mengawal anggaran kerja dan menyelia, menerima ujian kerja-kerja baru dan kerja-kerja pembinaan, pemuliharaan dan pemeliharaan.

B) Untuk melatih kakitangan bahagian kabel dalam menyediakan dan memelihara pengagihan kabel gantung dan kabel bawah tanah, dan membuat penyesuaian yang berkaitan dan mata agihan (DP) berserta dengan pengujian dan prosedur kerosakan setempat.

C) Untuk melatih kakitangan yang ditempatkan dalam bidang pembekalan, pemasangan dan pemeliharaan alat telefon pelanggan dan papansuis tidak termasuk PABX dan alat-alat suis berserta dengan pengujian dan prosedur kerosakan setempat dan kerja-kerja amali pemeriksaan pemasangan untuk pelanggan.

D) Kemajuan, perjalanan dan penilaian kursus-kursus latihan untuk kakitangan telekom dan kursus lanjut literatur bagi latihan membaiki woksyp. Untuk berhubung dengan lain-lain kakitangan pengajar dalam mengajar atau kaedah-kaedah latihan dan penyediaannya.

Syarat-Syarat Lantikan: Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elau pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan. Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Borang-borang permohonan boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Tingkat 4, Bangunan SPA dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 14 Jun, 1984. Bilangan iklan: 71/1984.

(E/1845/76)

Sebagai Tukang Cat (Laut)

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai TUKANG CAT (LAUT) di Jabatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: E. 1-2-3 EB. 4 — \$410-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

Calon-calon hendaklah berumur antara 20 hingga 45 tahun dan mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja mengecat (Spray Painting) sekurang-kurangnya selama 2 tahun. Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan-pemohonan n n mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan, surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tarikh tutup: 21 Mei, 1984.

(Bil iklan: 83/1984)

(E/1296/81).

FIRE BRIGADE DEPARTMENT TENDER NOTICE

No. 9/1984

TENDERS will be received the Chairman, Tenders Board, at the Office of Bangunan Kementerian Kewangan, 4th Floor, Jalan James Pearce, Negara Brunei Darussalam up to 12.00 noon on Monday 28th May, 1984 for the Supply of the following Fire Brigade Equipments: —

A. To Supply "Rescue Equipments."

B. To Supply Fire Equipments and Materials.

2. The supplier is required to supply for the period of two years from the date of approval.

3. Tenderers are requested to forward their catalogue and specifications for the above equipments with their quotations and tenders. All prices quoted to be in Brunei Currency CIF Brunei.

4. Further specifications and details of the Equipments

may be obtained from the Senior Staff Officer Fire Brigade Headquarters Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

5. Date of delivery to be stated.

6. Tenders received after the above stated time and date will be rejected.

7. Tenders must be placed in plain sealed envelope and marked "Tenders for the Supply and Delivery of Fire Brigade Equipments" and should be addressed to the Chairman Tender Board at the Office of Bangunan Kementerian Kewangan, 4th Floor, Jalan James Pearce, Negara Brunei Darussalam. The name of the tenderer must not be written on the envelope.

8. The Brunei Government does not bind itself to accept the lowest of any tender received.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI SEKOLAH-SEKOLAH TEKNIKAL KERAJAAN

PERMOHONAN adalah di-pelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Sekolah-Sekolah Teknikal Kerajaan di Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEGAWAI PELAJARAN (BAHASA INGERIS)

Calon-calon yang berjaya akan diturunkan mengajar Bahasa Inggeris Teknikal kepada pelatih-pelatih yang mengikuti berbagai-bagai kursus dari Peringkat Pertengahan kepada Peringkat Juruteknik termasuk kursus-kursus Business Education Council dan menyedai alat-alatan mengajar dan makmal bahasa.

Kelayakan dan Pengalaman: Ijazah Kepujian sebaiknya dalam Bahasa Inggeris, Diploma atau Sijil Perguruan dan sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar. Keutamaan diberi kepada mereka yang mempunyai Diploma 'English as a Foreign Language' atau Diploma 'English For Specific Purposes' di samping kelulusan dan pengalaman di atas.

Umur: 25 hingga 50 tahun.

Tanggagaji: B. 2 EB. 3 — B\$1,975-\$3,640 sebulan.

2. PENGAJAR TEKNIK KANAN

A. KEJURUTERAAN LAUT

i) Latihan Pegawai-Pegawai Dek

ii) Latihan Pegawai-Pegawai Kejuruteraan
Adalah dirancang untuk mengadakan Latihan Kejuruteraan Laut. Pengajar-Pengajar diangka untuk merancang dan mengendalikan kursus-kursus Pegawai-Pegawai Dek dan Pegawai-Pegawai Kejuruteraan termasuk mengajar dan mengawasi pelatih-pelatih yang mengikuti latihan-latihan di darat dan di laut.

Kelayakan dan Pengalaman:

A i) Sijil Kecekapan sebagai "Master of a Foreign Going Steamship" dan mempunyai pengalaman mengajar dalam bidang Kejuruteraan Laut. Kebolehan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris adalah diutamakan.

A ii) Sijil Kecekapan sebagai "First Class Engineer (Steam and Motor)" dan mempunyai pengalaman mengajar dalam bidang Kejuruteraan Laut. Kebolehan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah diutamakan.

B. UKUR TANAH

Tanggungjawab utama Pengajar-Pengajar termasuk mengajar pelatih-pelatih yang mengikuti kursus Juruteknik Ukur Tanah dan mengawasi pelatih-pelatih sewaktu mengikuti latihan-latihan amali luar.

Kelayakan dan Pengalaman: Ahli Bersekutu Royal Institute of Chartered Surveyors (UK) atau menjadi Ahli-Ahli mana-mana Institute of Surveyors yang diiktiraf. Calon-calon mestilah mempunyai pengalaman dalam bidang-bidang 'cadastral surveying' dan 'computing and drafting techniques' serta pengalaman mengajar mata pelajaran tersebut di sesebuah Sekolah Teknik.

C. KEJURUTERAAN JENTERA

Tanggungjawab utama pengajar-pengajar termasuk mengajar pelatih-pelatih yang mengikuti kursus-kursus Technician Education Council Plant Maintenance dan City and Guilds Fitting and Machining serta mengawasi pelatih-pelatih sewaktu menjalani latihan perindustrian.

Kelayakan dan Pengalaman: Ijazah atau Higher National Diploma atau Higher National Certificate dalam Kejuruteraan Jentera atau kelulusan yang sebanding dan mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar atau pengalaman di bidang industri utama yang bersangkutan dengan perusahaan jentera berat. Keutamaan diberi kepada mereka yang mempunyai kelulusan perguruan.

D. KEJURUTERAAN LETRIK

Tugas-tugas utama termasuk mengajar pelatih-pelatih yang mengikuti kursus-kursus Letrik City and Guilds di Peringkat Pertengahan dan Juruteknik, membantu dalam merancang dan mengendalikan kursus-kursus pendek bagi latihan asas dan kursus-kursus khas lanjutan dalam jurusan 'substation and plant maintenance, transmission system, protective devices' dsb., dan mengawasi pelatih-pelatih sewaktu menjalani latihan perindustrian.

Kelayakan dan Pengalaman: Ijazah atau Higher National Diploma atau Higher National Certificate dalam Kejuruteraan Letrik atau kelulusan yang sebanding dan mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar atau pengalaman di bidang industri terutama yang bersangkutan dengan pengeluaran letrik dan perusahaan jentera berat letrik. Keutamaan diberi kepada mereka yang mempunyai kelulusan perguruan.

E. RADIO, TELEVISYEN DAN ELEKTRONIK

Tugas-tugas utama termasuk mengajar pelatih-pelatih yang mengikuti kursus City and Guilds Mekanik Televisyen, membantu dalam merancang dan mengendalikan kursus-kursus lanjutan dalam bidang Televisyen Warna, Perakam Video dan Kaset dan mengawasi pelatih-pelatih sewaktu menjalani latihan perindustrian.

Kelayakan dan Pengalaman: Ijazah atau Higher Diploma atau Higher Certificate dalam Kejuruteraan Elektronik atau kelulusan yang sebanding khusus dalam Televisyen Warna dan atau Perakam Video atau Kaset dan mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar atau pengalaman di bidang industri. Keutamaan diberi kepada mereka yang mempunyai kelulusan perguruan.

F. KEJURUTERAAN KAPAL TERBANG

Tugas-tugas utama termasuk mengajar pelatih-pelatih yang mengikuti kursus Kejuruteraan Kapal Terbang (Airframes and Engines), mereka akan menyediakan alat-alatan mengajar dan mengawasi pelatih-pelatih perindustrian. Kejuruteraan Kapal Terbang adalah di awal perkembangan di Negara Brunei Darussalam

dan oleh sebab itu semangkat daya usaha dalam kerja-kerja perkembangan adalah mustahak.

Kelayakan dan Pengalaman: Mestilah telah menjalani dan menamatkan apprenticeship yang diiktiraf dalam bidang Kejuruteraan Kapal Terbang (Airframes and Engines), dan mempunyai sekurang-kurangnya sepuluh tahun pengalaman dalam bidang 'fix wing' dan 'rotary wing' serta sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman mengajar.

G. PERABOT

Kelayakan dan Pengalaman: Full Technological Certificate dalam bidang Perabot atau kelayakan yang sebanding dan mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar atau perindustrian dalam bidang merekabentuk dan pembuat-an perabot-perabot moden termasuk perusahaan mengislas kerusi. Keutamaan diberi kepada mereka yang mempunyai kelulusan perguruan.

H. PEMBAIKAN BADAN KERETA

Kelayakan dan Pengalaman: Full Technological Certificate dalam Teknologi Badan Kereta atau Kimpal atau kelulusan yang sebanding dan mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar atau industri. Keutamaan diberi kepada mereka yang mempunyai kelulusan perguruan.

I. PENGAJIAN KOMPUTER

Calon-calon diduga akan merancang dan mengajar kursus-kursus berikut:—
RSA Computer Operator Certificate, C&G 746 Basic Certificate in Computer Programming, C&G 747 Computer Programming and Information Processing, TEC Certificate Programmes in Computer Technology and C&G 748 Data Processing for Computer Users.

Kelayakan dan Pengalaman: Ijazah atau Higher Diploma dalam pengajian komputer atau kelulusan yang sebanding dan mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar atau industri dalam bidang komputer.

J. TELEKOM

Kelayakan dan Pengalaman: Ijazah atau Higher Diploma dalam Elektronik atau 'Communication Engineering' atau kelulusan yang sebanding dan mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar atau industri.

K. PERDAGANGAN

Calon-calon yang berjaya akan mengajar penuntut-penuntut yang mengikuti kursus Perdagangan termasuk 'data processing'.

Kelayakan dan Pengalaman: Ijazah atau Diploma Tinggi dalam Perdagangan atau yang sebanding dan mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar atau industri. Kebolehan bertutur dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu atau mereka yang mempunyai kelulusan perguruan adalah diutamakan.

Umur: 25 hingga 50 tahun.

Tanggagaji: B. 2 — B\$1,975-\$3,280 sebulan.

3. PEGAWAI PELAJARAN DAN GURU

bagi Maktab Perguruan, Sekolah-Sekolah Menengah dan Rendah untuk mengajar mata-mata pelajaran

seperti berikut:—

A) MAKTAB PERGURUAN

Calon-calon mestilah mempunyai pengalaman dalam bidang Perguruan. Kebolehan memberi syarahan dalam Bahasa Melayu dan Inggeris adalah diberi keutamaan.

- a) Bahasa Inggeris
- b) Ilmu Hisab
- c) Sains
- d) Ilmu Alam
- e) Sejarah
- f) Pendidikan
- g) Falsafah Pendidikan
- h) Saekologi

B) SEKOLAH-SEKOLAH

Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman mengajar penuntut-penuntut yang menduduki peperiksaan-periksaan Peringkat 'Biasa' dan yang boleh mengajar mata-mata pelajaran pilihan mereka dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

- a) Ilmu Hisab
- b) Bahasa Inggeris
- c) Sastera Inggeris
- d) Sains Tulen (Kajihayat, Kimia, Fiziks)
- e) Sains Panduan
- f) Sains Urusan Rumah-tangga
- g) Ilmu Alam
- h) Sejarah
- i) Ekonomi
- j) Perdagangan
- k) Prinsip Akuan
- l) Pengajian Perdagangan
- m) Sains Pertanian
- n) Pertukangan Logam
- o) Sains Kejuruteraan

p) Lukisan Geometri dan Kejuruteraan

- q) Lukisan Teknikal
- r) Lukisan
- s) Musik
- t) Pengajian Komputer
- u) Elektrik & Elektronik

C) SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH

Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang berpengalaman dalam pengajaran Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Sains.

Kelayakan dan Pengalaman: Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman mengajar dan kelulusan-kelulusan tam-bahan dalam mata-mata pelajaran yang diajar.

Tanggagaji:

a) Guru Terlatih Tidak Berijazah

T. 7 — B\$875-\$1,805 sebulan.

b) Guru Terlatih Berijazah (Ijazah Am)

T. 8 — B\$1,090-\$2,255 sebulan.

c) Guru Terlatih Berijazah (Ijazah Kepujian)

T. 9 — B\$1,335-\$2,710 sebulan.

d) Pegawai Pelajaran

B. 2 EB. 3 — B\$1,975-\$3,640 sebulan.

Calon-calon yang mempunyai ijazah kepujian serta Diploma Pendidikan atau sebanding dengannya dari universiti-universiti atau institusi pengajian tinggi yang diakui

dan sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman mengajar, bolehlah memohon jawatan ini.

Syarat-syarat Lantikan:

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elauan pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan. Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat aukan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 31 Mei, 1984. (Bil iklan: 68/1984) (E/479/63/15).

Di Jabatan Radio dan Televisyen

PERMOHONAN adalah di-pelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Radio dan Televisyen, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENOLONG PERAKAM SUARA FILEM

Tanggagaji: D.3 EB.4-5 — \$720-\$1290 sebulan. Gaji permulaan bergantung ke-

pada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman: Calon-calon mestilah mempunyai kelulusan GCE Peringkat Biasa, dan mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam Bahasa Melayu dan Inggeris, atau sekurang-kurangnya fasih dalam salah satu dari bahasa tersebut. Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun di dalam kerja-kerja Perakaman Suara terutama sekali yang mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja Perakaman Suara Filem di bahagian TV.

2. PEGAWAI MAKMAL TEKNIK

Tanggagaji: D. 2-3 EB.4-5 — \$415-\$1290 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Tugas-tugas: Calon-calon mestilah mempunyai kelulusan GCE Peringkat Biasa dan lulus dalam mata pelajaran Kimia atau Sains. Mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam Bahasa Melayu dan Inggeris atau sekurang-kurangnya fasih dalam salah satu daripada bahasa yang disebutkan. Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman dalam jawatan sebagai Pelatih Teknik atau yang sebanding.

Bertanggungjawab kepada Pengurus Makmal Filem melalui Pengawas Proses Filem dalam tugas-tugas sehari-hari di bahagian Makmal Proses Filem. Ini juga termasuk mengawal perjalanan mesin, memasang dan mengeluarkan filem, tugas-tugas pemeliharaan dan membantu mencampur bahan kimia.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aukan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tarikh tutup: 15 Mei, 1984. (Bil iklan: 79/1984) (E/1906/80).

Tukang Kayu Tingkat I

PERMOHONAN adalah di-pelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai TUKANG KAYU TINGKAT I, di Pejabat Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: E.2-3 EB.4 — \$470-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur 20 tahun ke atas dan pernah mengikuti kursus Pertukangan Kayu (carpentry) selama satu tahun di Sekolah Pertukangan Bangunan yang diakui sah.

b) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelulusan di atas tetapi boleh menulis dan membaca serta berpengalaman sebagai Tukang Kayu Tingkat II boleh juga dipertimbangkan.

c) Pemohon-pemohon mestilah:—

- i) Mempunyai peneilaian dalam hal-hal pertukangan kayu dan mengetahui jenis-jenis kayu.

ii) Tahu merancang rangka dan mengadakan lukisan-lukisan bagi kerja-kerja yang diarahkan.

iii) Boleh menaksirkan perbelanjaan perbelanjaan yang dikehendaki di atas satu-satu pertukangan tersebut.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aukan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 15 Mei, 1984. (Bil iklan: 82/1984) (E/439/83).

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

KEMENTERIAN PELAJARAN DAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KURSUS SIJIL PERGURUAN BAGI TAHUN 1984-1987 MAKTAB PERGURUAN SULTAN HASSANAL BOLKIAH, GADONG

PEMOHON-pemohon yang berminat dan berkecenderungan bagi mengikuti Kursus Sijil Perguruan di Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolkih, Gadong, Negara Brunei Darussalam selama tiga tahun, iaitu sesi Jun 1984-Jun 1987 adalah dipelawa untuk menghadapkan permohonan masing-masing.

2. JENIS KURSUS

Terdapat dua jenis kursus yang diadakan pada masa ini di Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolkih. Setiap pemohon bolehlah memilih dua pilihan iaitu pilihan utama dan pilihan kedua mengikut jenis kursus yang paling diminatinya. Walau bagaimanapun, keputusan muktamad adalah bergantung kepada Panel Pemilihan.

Kursus-kursus yang menjadi pilihan:—

- (a) Kursus A: Kursus Menengah Bawah Aliran Inggeris
- (b) Kursus C: Kursus Rendah Aliran Inggeris.

3. SYARAT DAN KELAYAKAN

Hanya calon-calon yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat di bawah ini sahaja yang ditemuduga untuk dipertimbangkan:—

- (a) Kerakyatan: Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.
- (b) i) Kelulusan Akademik: Memiliki sekurang-kurangnya empat (4) kepujian dalam mata pelajaran peringkat biasa, sama ada diperoleh dalam sekali atau terkumpul dalam dua tahun berturut-turut dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge, Singapore-Cambridge (Aliran Inggeris) atau sebanding dengannya.
ii) Mereka yang mempunyai 3 kredit dalam mata pelajaran Sains, Ilmu Hisab dan Bahasa Inggeris, atau salah satu dari mata-mata pelajaran: History, Geography, Economic, Commerce, Principal Accounts boleh juga diberi pertimbangan khas. Pelatih-pelatih yang diterima melalui scheme ini adalah dikehendaki mengambil 1 mata pelajaran di peringkat biasa semasa dalam latihan. Mereka yang tidak berjaya tidak akan disokong ke jawatan guru sukatan gaji T.7.
- (c) Umur: Tidak melebihi 25 tahun pada 1 Jun, 1984.
- (d) Perjanjian: Calon-calon yang terpilih dikehendaki menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dengan menyanggupi perkara-perkara di bawah ini:—

- i) Dia belum dan tidak akan berkahwin sepanjang masa berkursus (kecuali ada perubahan).
- ii) Dia dan/atau penjamin-penjamin sanggup membayar balik kepada Kerajaan dengan sepenuhnya semua kos yang digunakan untuk membiayai dirinya termasuk elaun yang diterimanya selama dia telah menjalani kursus tersebut, sekiranya dia diberhentikan atau berhenti yang bukan atas kehendak pihak Kerajaan.
- iii) Dia akan berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KEBAJIKAN BELIA DAN SUKAN

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pembekal-pembekal untuk membekalkan "2 UNITS SPRINKLER DAN LAIN-LAIN ALAT UNTUK PADANG, JABATAN KEBAJIKAN BELIA DAN SUKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM."

2. Keterangan-keterangan lanjut mengenai dengan penentuan barang-barang ini bolehlah didapati dari Bahagian Pentadbiran, Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa pejabat dibuka.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang bertutup dan dialamatkan kepada "Pengurus Lembaga Tawaran Brunei" di alamat Jabatan Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan terang dinyatakan "MEMBEKALKAN 2 UNIT SPRINKLER DAN LAIN-LAIN ALAT UNTUK PADANG, JABATAN KEBAJIKAN BELIA DAN SUKAN, NEGARA

BRUNEI DARUSSALAM" dengan tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan nama-penawar di sampul surat itu. Tawaran-tawaran itu hendaklah dihantar tidak lewat dari 17 Mei, 1984 jam 12.00 tengah hari. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

4. Wang cengkeram sebanyak \$200.00 hendaklah dibayar kepada Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa pejabat dibuka.

5. Syarat-syarat yang menghantar tawaran-tawaran mereka adalah dikehendaki menghantar katalog jenis alat-alat pengaliran yang ditawarkan beserta dengan butir-butir seperti berikut:—
i. Tempoh pembekalan.
ii. Harga tawaran C.I.F.
iii. Lama dalam jaminan.
iv. Lain-lain hal, jika ada.
6. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

Brunei Darussalam dalam kerjaya 'Guru' selama tidak kurang daripada lima (5) tahun selepas berkursus dan bersedia ditempatkan bertugas di mana-mana sekolah di Negara Brunei Darussalam.

(c) Sijil Kesihatan:

Mempunyai kesihatan badan yang memuaskan dan mendapat pengesahan dan pengakuan doktor yang diakui oleh Kerajaan.

4. KEMUDAHAN DAN ELAUN PENUNTUT

- (a) Pemohon-pemohon yang terpilih memasuki Maktab akan mendapat asrama penuh dengan makan/minum serta lain-lain kemudahan secara percuma.
- (b) Mereka juga diberi elaun tunjangan hidup seperti berikut:
 - i) Bagi Tahun I dan II — \$250 sebulan
 - ii) Bagi Tahun III — \$270 sebulan

5. LANTIKAN

Mereka yang berjaya dan lulus dalam latihan tiga (3) tahun disokong menjadi guru terlatih dalam sukatan gaji T.7 — \$875 x (40) — 1355 x (40) — 1805.

6. PERMOHONAN

- (a) Semua permohonan hendaklah menggunakan borang khas yang dikeluarkan oleh Pejabat Pengetua Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolkih, Gadong, Negara Brunei Darussalam.
- (b) Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada penuntut-penuntut atau penuntut-penuntut yang baharu lulus dari Maktab/Sekolah Menengah Kerajaan pada tahun 1983 bolehlah mendapatkan borang permohonan dari Pengetua-Pengetua mereka sebaik-baik sahaja keputusan peperiksaan GCE peringkat biasa/tertinggi diumumkan. Pemohon-pemohon lain bolehlah mendapatkan borang permohonan dari Pejabat Pengetua, Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolkih, Gadong, Negara Brunei Darussalam.
- (c) Semua borang permohonan hendaklah dikembalikan kepada Pengetua, Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolkih, Gadong, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 7 Mei, 1984.

7. PERHATIAN

- (a) Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mengambil Ujian Bahasa Inggeris Khas 'Special English Test' sebelum ditemuduga.
- (b) Sebarang borang permohonan yang diterima dengan tidak disertakan dengan perkara-perkara yang dikehendaki atau tidak ditulis dengan lengkap atau tidak jelas, demikian juga permohonan yang terlewat sampai ke Pejabat Pengetua, Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolkih, Gadong, Negara Brunei Darussalam dari tarikh yang dihadkan tidak akan dilayan.

ROYAL BRUNEI POLICE FORCE TENDER NOTICES

No. 11/1984

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan up to 12 noon on Monday 21st May, 1984.
MARINE SPARE PARTS.
2. Tender documents are obtainable from Head of Logistics/Procurement, Police Headquarters, Gadong.

3. Price to include duty and delivery to Police Marine Base, Muara.

4. Tenders must be placed in sealed envelope and addressed to the Chairman Tenders Board and clearly marked:—

"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE SUPPLY OF MARINE SPARE PARTS"
5. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

No. 12/1984

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan up to 12 noon on Monday 21st May, 1984.
UNIFORM CLOTHING & ACCOUTREMENTS.
2. Tender documents are obtainable from Head of Logistics/Procurement, Police Headquarters, Gadong.

3. Price to include duty and delivery to Police Headquar-

ters, Gadong.

4. Tenders must be placed in sealed envelope and addressed to the Chairman Tenders Board and clearly marked:—

"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE SUPPLY OF UNIFORM CLOTHING & ACCOUTREMENTS."

5. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

No. 13/1984

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon on Monday 21st May, 1984.

MARINE PAINTS (EPIGLASS PRODUCTS).

2. Tender documents are obtainable from Head of Logistics/Procurement, Police Headquarters, Gadong.

3. Prices to include duty and delivery to Marine Police, Muara.

4. Tenders must be placed in sealed envelope and addressed to the Chairman, Tenders Board and clearly marked:—

"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE — SUPPLY OF MARINE PAINTS".

5. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

Di Pejabat Perancang Bandar Dan Desa

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Pejabat Perancang Bandar Dan Desa, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMBANTU TEKNIK KANAN:

Tanggaji:

C. 2 EB 3 — \$1260-\$1980 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman:

- a) Pemohon mestilah sekurang-kurangnya lulus 5 mata pelajaran G.C.E. (Peringkat Basa) atau yang sebanding dengannya.
- b) Mempunyai pengalaman praktikal sekurang-kurangnya 7 tahun menyelia kerja-kerja di tapak pembinaan dan kejuruteraan atau merancang kerja-kerja pemeriksaan dan mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman melukis plan.
- c) Pemohon dapat menunjukkan pengetahuan yang mendalam mengenai bentuk bumi (ilmu Alam) Brunei dan mempunyai kebolehan mentaksir lukisan-lukisan Senibina, bangunan, ukur tanah dan kejuruteraan.

Umur:

Tidak lebih 45 tahun.

2. MERINYU

PERANCANG:

Tanggaji: D. 1-2-3 EB, 4-5 — \$425-\$1290 sebulan.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman:

- a) Pemohon-pemohon mestilah lulus Sijil Persekolahan Brunei Cambridge (Peringkat Basa) atau yang sebanding dengannya dan mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman praktikal dalam kerja-kerja mengenai bangunan dan hendaklah boleh membaca plan-plan bangunan atau kejuruteraan dan bersedia membuat kerja-kerja penyiataan luar.

ATAU

- b) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelulusan tersebut di atas tetapi mempunyai pengalaman praktikal sekurang-kurangnya 5 tahun dalam penyiataan kerja luar dan boleh membaca plan-plan bangunan serta kontor boleh juga dipertimbangkan.

Umur:

20 hingga 45 tahun.

3. TUKANG PELAN:

Tanggaji: D. 1-2-3 EB, 4-5 — \$425-\$1290 sebulan.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman:

- a) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai sekurang-kurangnya lulus Sijil Am Pelajaran, Sijil Persekolahan Cambridge atau yang sebanding dengannya dan mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman dalam bidang melukis plan serta boleh membaca plan bangunan.

ATAU

- b) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelulusan tersebut di atas tetapi mempunyai 5 tahun pengalaman dalam melukis plan-plan Senibina/Kejuruteraan Awam dan boleh memahami dan membaca plan bangunan/kejuruteraan boleh juga dipertimbangkan.

Umur:

20 hingga 40 tahun.

4. ATENDAN PERPUSTAKAAN:

Tanggaji: E. 1-2-3 EB, 4 \$410-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak lebih 25 tahun.
- b) Pemohon mestilah sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
- c) Pemohon yang mempunyai kebolehan membaca dan menulis Bahasa Inggeris adalah satu kelebihan.
- d) Pemohon yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang perpus-takaan adalah diutamakan.

5. PEMANDU

TINGKATAN II:

Tanggaji: F. 3-4 EB, 5 — \$430-\$560 sebulan.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman:

- a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.
- b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas III yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
- c) Mempunyai lesen memandu Kelas V dan Kelas IX (sebelas) adalah merupakan satu kelebihan.
- d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa perkerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana saja di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 7 Jun, 1984.

(Bil iklan: 84/1984)

(E/10/82).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama Menteri Negara Bagi Hal-Ehwal Luar Oman, Yousof bin Alawi bin Abdullah.

Dari muka 1

Oman dan rombongan telah diraikan dalam satu majlis jamuan makan malam oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah di Dewan Persantapan Istana Edin-burgh.

Tuan Yang Terutama dan rombongan berlepas pulang pada pagi ini.

Mass jogging ditangguh

BANDAR SERI BEGAWAN.

Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan mengumumkan bahawa mass jogging yang dijadualkan diadakan pada 6 Mei ini adalah ditangguhkan kepada 29 September 1984.

Penangguhan ini dibuat adalah untuk memberi

peluang lagi kepada mereka yang belum menyerahkan borang penyertaan kepada pihak penganjur.

Dengan itu juga borang-borang penyertaan yang sepatutnya dikembalikan pada 30 April kini bolehlah dihantar pada bila-bila masa sebelum 29 September 1984.

Gunakan pengalaman dengan sebaik-baiknya

KUALA BELAIT.

Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin Tudin pada malam Ahad lepas menyeru para belia yang menyertai Minggu Belia Daerah Belait 1984 akan mempergunakan segala pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi dengan sebaik-baiknya pada tempat dan masa yang diperlukan.

Berucap merasmikan Malam Penutup Minggu Belia di Dewan Kemasyarakatan di sini, beliau berkata negara ini memerlukan rakyat yang sadar dan tahu akan tanggungjawabnya terutama sekali golongan belia.

"Kita memerlukan belia-belia untuk sama-sama membangun negara; belia yang sedia berkhidmat dalam semua lapangan pekerjaan; belia yang bijak dan berkelulusan bagi menjalankan jentera Kerajaan dan mengerjakan pembangunan negara; belia-belia sebagai mata dan telinga negara untuk sama-sama memelihara dan mengekalkan keamanan, ketenteraman dan keselamatan negara; belia-belia untuk sama-sama menjaga kebersihan negara serta belia-belia yang bersatu padu mendukung hasrat dan cita-cita Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam," tegas beliau.

Pengerusi Minggu Belia Daerah Belait, Awang Ismail bin Apang dalam ucapan alu-aluannya antara lain menyatakan bahawa dalam masa seminggu itu, para belia dari 13 buah persatuan dan pertubuhan telah diaturkan dengan 12 jenis acara yang difikirkan dapat memim-

Oleh: Abd Karim HAB.

bulkan kesedaran dan perubahan sikap di kalangan ahli-ahli persatuan di daerah Belait.

Beliau mengharapkan peserta-peserta yang mengikuti aktiviti-aktiviti yang di-



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Puasa ketika berucap.

jalankan sepanjang minggu itu akan menerima kesan dan manfaat darinya di samping mencatatkan sejarah kegemilangan dan kejayaan besar bagi belia-belia di daerah itu.

Awang Ismail tidak lupa melahirkan penghargaan kepada semua pihak yang memberikan kerjasama dalam menjayakan Minggu Belia itu khususnya jabatan-jabatan Kerajaan dan syarikat-syarikat swasta yang memberi kelonggaran masa bekerja kepada kakitangan mereka yang terlibat.

Acara kemuncak malam itu ialah Pertandingan Tarian Melayu Asli yang disertai oleh tujuh buah kumpulan dan diikuti dengan penyampaian

hadiah-hadiah dan sijil-sijil bagi kegiatan-kegiatan yang diadakan.

Minggu Belia yang disertai oleh lebih 200 orang belia itu telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussien, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, pada 22 April lepas di Kompleks Arena Sukan JKBS, Seria.

Ianya dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan dengan Kerjasama Majlis Belia Daerah Belait.

Di antara kegiatan yang diadakan sepanjang Minggu Belia itu termasuklah Kursus Asas Simpan Kira Persatuan; Kursus Asas Mencegah Kebakaran; lawatan ke berbagai tempat menarik di Bandar Seri Begawan bagi 55 orang tua dalam lingkungan umur 60 tahun; Menderma Darah untuk Tabung Darah Negara; Musabagah Al-Quran Belia; Lawatan ke Daerah Temburong; Simposium Belia bertajuk 'Peranan Belia Dalam Pembangunan Masyarakat' serta Pameran Karyaneka. — AKHAB

Peraduan renang terbuka

BANDAR SERI BEGAWAN.

Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan Renang Negara Brunei akan menganjurkan pertandingan renang terbuka peringkat umur seluruh negara.

Pertandingan yang akan mengandungi 66 acara itu akan berlangsung pada 27 Mei depan di Kolam Renang

M.P.U.S.B. DAN AL-WARDAH JOHAN NASYID

BANDAR SERI BEGAWAN.

Pertandingan Nasyid Peringkat Akhir Senegeri sempena sambutan Israk dan Mikraj tahun ini telah berlangsung di Dewan Raya Radio dan Televisyen di sini pada malam Ahad lepas dengan disertai oleh sepuluh pasukan nasyid, lima darinya pasukan perempuan dari seluruh negara.

Pasukan-pasukan yang telah berjaya ke peringkat akhir itu adalah mewakili daerah masing-masing setelah berjaya dalam pertandingan peringkat daerah yang diadakan lebih awal dari itu.

Dengan membawakan nasyid berjudul 'Islam Teras Negara', pasukan Maktab Perguruan Agama Seri Begawan telah muncul sebagai johan bahagian lelaki dengan mata kemenangan 85 1/8%. Pasukan ini diketuai oleh Awang Haji Metassim bin Haji Metussin dan pernah menyertai pertandingan yang sama pada tahun lepas.

Menyandang naib johan ialah pasukan Nurul Huda Kampong Sungai Kedayan 'A' yang berhasil memungut markah 84 1/4%. Pasukan ini diketuai oleh Awang Md. Daud bin Abdul Kadir dengan nasyid berjudul 'Iman Teguh Negara Kukuh' dan telah menyertai pertandingan tersebut tiga tahun berturut-turut berjaya ke peringkat akhir.

Sementara menduduki tempat ketiga ialah pasukan Badan Kebajikan Pejabat Agama dan Guru-Guru Agama, Daerah Tutong dengan mata kemenangan 76 1/4%. Pasukan ini diketuai oleh Awang Haji Md. Mansor bin Umar dan inilah buat kali pertama pasukan tersebut menyertai pertandingan tersebut. Nasyid mereka berjudul 'Tamakkan Nikmat Syurga'.

Pasukan Kelas Zikir Angkatan Pemuda Hadrar Laila Mufakat (PERKASA) hanya berjaya menduduki tempat keempat. Manakala kumpulan Nasyid Badan Sukan dan Kebajikan Jabatan Kerja Raya (BENARA), Kuala Belait menduduki tempat kelima.

Johan bahagian perempuan telah disandang oleh Kumpulan Al-Wardah Sekolah Agama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit dengan markah 89 7/8%. Pasukan ini diketuai oleh Dayang Siti Mahyana bte Haji Yahya dan

pernah menyertai pertandingan ini beberapa kali. Mereka membawakan nasyid bertajuk 'Menginsafi Kebesaran Allah'.

Pasukan Persatuan Kebajikan Penuntut Maktab Perguruan Agama Seri Begawan telah muncul sebagai naib johan dengan mata kemenangan 84 1/4%, nasyid yang mereka bawa bertajuk 'Israk dan Mikraj'. Pasukan ini diketuai oleh Dayang Rahimah bte Abbas dan tahun lepas pasukan ini juga berjaya ke peringkat akhir.

Tempat ketiga telah dimenangi oleh pasukan Kelas Pekerja-Pekerja Islam, Jabatan Perubatan dan Kesihatan Al-Quran Badan Kebajikan yang membawakan nasyid berjudul 'Tekad' dan

jabatan tersebut bagi menghidupkan suasana memperingati Israk dan Mikraj junjungan kita Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wasallam.

Tema sambutan tahun ini ialah SEMBAHYANG ASAS KEKUATAN IMAN.

Tetamu kehormat di majlis pertandingan malam itu ialah Awang Abbas bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap Kementerian Undang-Undang yang seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang dan peserta yang mengambil bahagian.

Sebelum penyampaian hadiah-hadiah satu syarahan khas telah disampaikan oleh Ustazah Dayang Aisah bte Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd Yusof.



AWANG Abbas menyampaikan Oskar kejohanan kepada johan nasyid bahagian lelaki, Pasukan Persatuan Kebajikan Penuntut Maktab Perguruan Agama Seri Begawan.

Tiga pegawai hadir sidang di Jakarta

BANDAR SERI BEGAWAN.

Tiga orang pegawai kanan kini berada di Jakarta bagi menghadiri Persidangan Jawatankuasa Dalam Perusahaan, Galian dan Tenaga.

Mereka ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd Salleh bin Haji Hidar, Awang Chua Peng Siong, Timbalan Pengarah Unit Perancang Ekonomi dan Pg. Yakub bin Pg Othman, Pegawai Pentadbir di Kementerian Pembangunan.

Mesyuarat tersebut bermula pada hari Isnin lepas dan ianya akan diikuti dengan satu perjumpaan pegawai-pegawai kanan ekonomi yang akan diadakan pada 4 dan 5 Mei.

Mereka juga akan menghadiri mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN yang akan diadakan pada 7 Mei.

memperolehi markah 81 1/4%. Kumpulan ini diketuai oleh Dayang Saadiah bte Mohadi.

Menduduki tempat keempat ialah pasukan Kelas Dewasa Agama Kampong Puni Temburong yang diketuai oleh Dayang Rugayah bte Besar. Manakala tempat kelima ialah pasukan Kelas Zikir Kampong Burong Pingai Ayer yang diketuai oleh Dayang Rohani bte Haji Tahir.

Pertandingan tersebut anjuran Bahagian Dakwah dan Tabligh Jabatan Hal Ehwal Agama yang merupakan sebagai projek tahunan

Kepada yang berminat bolehlah mendapatkan borang penyertaan dari sekarang sama ada dari penjual-penjual tiket di Kolam Renang Anggerek Desa atau di cawangan-cawangan jabatan tersebut di Tutong dan Belait dan hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 12 Mei depan. — MHR.